

PERGAM BESAR
Green Imperial Pigeon

FAMILI: Columbidae
NAMA SAINTIFIK: *Ducula aenea*



CIRI-CIRI

Individu dewasa seakan-akan sama dengan Mountain Imperial Pigeon, *D. badia*, tetapi bahagian atas badan hampir berwarna hijau metalik gelap dengan gabungan warna coklat buah berangan-kemerahan berkilat; kepala, leher dan bahagian bawah badan berwarna kelabu pudar, bahagian bawah ekor pula berwarna coklat buah berangan pekat manakala keseluruhan bahagian ekor berwarna hitam. Bagi burung juvenil, bahagian atas badan agak pudar berbanding burung dewasa; leher, kepala dan bahagian bawah badan agak lusuh.

SAIZ

Panjang keseluruhan burung dewasa adalah 40-47 sm. Berat 365-440g.

MAKANAN

Buah-buahan, bijian dan putik bunga.

HABITAT

Boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap, hutan tanah pamah, hutan pulau dan kadang-kala di hutan sekunder sehingga ketinggian 915 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi *wah-whhoo*; *wah-whhrooo* yang dalam dan berulang atau *wah-wahrroo* atau bunyi *hooo* atau *huuuoo* dan *crrrhoo*.

TABIAT

Mencari makanan secara bersendirian atau berpasangan.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan dari bulan Januari hingga bulan Mac dan September. Sarang adalah berbentuk pelantar yang di bina di atas pokok kecil dan kadang-kala pada pokok buluh. Ketinggian sarang adalah sehingga 10 m dari aras tanah. Burung betina boleh menghasilkan 1-2 biji telur dan warna telur adalah putih. Anggaran saiz telur adalah 45.5 x 33.5 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.